

TITAH
DI MAJLIS SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI YANG KE- 44 TAHUN

PADA

22 RABIULAKHIR 1426/31 MEI 2005

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
BISMILLAHIR Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu'Ala Asyrafil Mursaleen Sayyidina Muhammaddin Wa'ala Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Alhamdulillah beta bersyukur, kerana dapat bersama-sama para perajurit menyambut Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang ke-44 tahun.

Sambutan ini lebih bererti lagi dengan Negara sentiasa menikmati keamanan dan kesejahteraan. Ia juga turut menyuburkan rasa simpati kita kepada pihak-pihak yang sentiasa dirundung malang. Ada yang dibelenggu oleh pertelingkahan sesame sendiri; ada yang didatangi penyakit-penyakit berjangkit; dan ada pula yang dialnda bencana-bencana alam sehingga meranapkan Bandar dan desa serta meragut sekian banyak nyawa.

Ini semua mengingatkan kita, betapa mahalnya harga kesejahteraan yang sedang kita miliki ini. Apakah tidak patut bagi kita untuk membina azam supaya mempertahankannya?

Ini semua mengingatkan kita, betapa mahalnya harga kesejahteraan yang sedang kita miliki ini. Apakah tidak patut bagi kita untuk membina azam supaya mempertahankannya?

Ini semua mengingatkan kita, betapa mahalnya harga kesejahteraan yang sedang kita miliki ini. Apakah tidak patut bagi kita untuk membina azam supaya mempertahankannya?

Mengambil iktibar dari kejadian-kejadian di sekeliling kita, adalah Tidak wajar untuk kita berpeluk tubuh, atau hanya mengharapkan akan sentiasa terlepas daripada sebarang kejadian yang tidak diingini. Kita tidaklah boleh begitu, kerana apa yang ada dan berlaku, adalah merupakan "Kerja Allah", bukan kerja kita yang dapat dirancang atau diramal.

Kerana itulah, kita mengelak untuk hanya jadi penonton, tetapi sebaliknya turut tampil ke hadapan bersama-sama dengan warga dunia memberikan sumbangan apa juga yang terdaya, sealku misi kemanusiaan dan perdamaian.

Dalam hubungan ini, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah menampilkan penglibatannya yang membanggakan. Dari sinilah, beta dapat melihat, betapa Angkatan Bersenjata Diraja Brunei itu sangat mustahak untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keupayaannya. Dan selaku salah sebuah benteng utama pertahanan, ia perlu siap siaga serta mampu menghadapi cabaran-cabaran degan lebih berkesan.

Apa yang beta nampak, di semua peringkat kepimpinan hendaklah memiliki kesedaran bagi memenuhi harapan-harapan besar Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Dan untuk itu, satu

transformasi adalah diperlukan. Transformasi tersebut bukan saha di segi struktur teknik dan keupayaan, malahan juga disegi kepimpinan dan minda.

Jika ini kita abaikan, beta kkuatir, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan menjadi mangsa kepada perubahan-perubahan pesat yang berlaku di sekeliling kita. Oleh itu, semua peringkat anggota janganlah hendaknya menutup diri dari sebarang perubahan, tetapi perlu terbuka kepada kaedah-kaedah atau metode-metode baru di dalam pertahanan.

Sehubungan ini, beta sangatlah gembira, yang Kementerian Pertahanan pada ketika ini sedang giat melaksanakan dasar dan perancangan stretegiknya yang akan membawa kepada masa depan pertahanan yang lebih teratur lagi sistematik.

Beta penuh percaya, penubuhan lebih empat dekad Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, memberikannya cukup pengalaman untuk menjadi sebuah Angkatan Bersenjata yang dinamik lagi berwibawa.

Disamping ia unggul dan kuat, Angkatan Bersenjata kita juga perlu memiliki sifat 'mesra rakyat'. Iaitu suatu cirri moral dan disiplin yang tinggi. Dan kemudian, sebagai pelengkapny, kita hendaklah lebih mengeratkan lagi hubungan kita dengan Allah, supaya terus berada di bawah inayah dan pemeliharaan-Nya.

Untuk akhirnya, beta mengucapkan Selamat Manyambut Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang Ke-44 kepada seluruh anggota Angkatan bersenjata Diraja Brunei dan juga kepada para perajurit yang telah bersara serta keluarga masing-masing. Beta mendoakan semoga sumbangan suci dari semua pihak itu akan terus mengekalkan keselamatan dan kesejahteraan Negara kita yang tercinta ini.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh.